



Linking your dreams
LINTEC Corporation



LINTEC

LAPORAN CSR
2021



Moto Syarikat

Keikhlasan dan Kreativiti

Moto syarikat Kumpulan LINTEC yang merupakan asas kepada CSR ialah 'Keikhlasan dan Kreativiti'. Inilah "apa yang sepatutnya ada" pada kami.

"Keikhlasan" bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai, dengan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati.

"Kreativiti" bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikannya lebih baik lagi dengan mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo (keadaan seadanya).

Bersikap tulus terhadap semua pihak berkepentingan dan bertindak menghadapi cabaran-cabaran baru berulang kali dengan tekad untuk membuat pembaharuan merupakan detik permulaan bagi syarikat berteraskan "pembuatan produk (monodzukuri)".

Segalanya bermula dengan "keikhlasan" yang kemudiannya berkait dengan "kreativiti".

Ini adalah ciri-ciri LINTEC kami yang tidak akan berubah dan merupakan pendorong yang menyokong pertumbuhan yang mampan.

LINTEC WAY

Nilai penting pendukung moto syarikat

5 cara memupuk Keikhlasan

- 1 Sentiasa bersikap jujur
- 2 Sampaikan ketulusan
- 3 Bersama mencipta kegembiraan
- 4 Menjadi orang yang memberi
- 5 Menghargai keluarga dan rakan


5 cara memupuk Kreativiti

- 1 Kekal tabah hingga berjaya
- 2 Berbangga dengan keunikan
- 3 Fleksibel dengan perubahan
- 4 Berfikir dari sudut global
- 5 Mengaitkan dengan segala kemungkinan

Apakah itu Kumpulan LINTEC?

Bagi merealisasikan moto syarikat 'keikhlasan dan kreativiti', Kumpulan LINTEC sedang memajukan empat teknologi asas dengan berasaskan "LINTEC WAY" dan "Garis Panduan Pematuhan Kumpulan LINTEC", serta menghasilkan nilai yang baru.

Dengan "LINTEC SUSTAINABILITY VISION 2030" (singkatan: LSV2030), yang akan menjadi tahun terakhir pada tahun fiskal yang berakhir pada Mac 2030, kami akan menyumbang kepada mewujudkan masyarakat mampan melalui penciptaan produk dan perniagaan baru ke arah pertumbuhan mampan dan memperkukuhkan struktur korporat melalui inovasi.





Tahun 2030 Organisasi bagaimanakah sepatutnya kita?

Kami akan menyumbang kepada mewujudkan masyarakat mampan dengan mengubah idea yang pelbagai dan fleksibel menjadi kekuatan untuk terus maju.

Makoto Hattori
Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif
LINTEC Corporation

Tegaskan kembali kepentingan Moto Syarikat iaitu “Keikhlasan dan Kreativiti”

Sejak dari bulan April tahun lalu, lebih dari satu tahun telah berlalu sejak saya menjadi presiden LINTEC, dalam masa tersebut, gaya hidup dan persekitaran perniagaan kita telah menghadapi perubahan yang membingungkan disebabkan oleh situasi yang tidak dijangka iaitu pandemik COVID-19. Kumpulan syarikat ini telah mempromosikan pelbagai langkah sambil bertindak balas dengan cermat dan segera terhadap perubahan persekitaran ini.

Kakitangan kumpulan syarikat telah berusaha sedaya upaya untuk memastikan bekalan produk yang stabil dengan “Keikhlasan” untuk memenuhi tanggungjawab kepada masyarakat dan pasaran, walaupun terdapat banyak sekatan yang dikenakan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Saya berpendapat bahawa “Kreativiti” adalah

elemen yang tidak boleh tiada dalam bidang pembuatan produk (monodzukuri) untuk bertindak balas dengan terperinci terhadap keperluan pasaran dan tuntutan sosial yang terus berubah setiap ketika. Dalam keadaan yang tidak pernah terjadi sebelum ini, semangat Moto Syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” telah diwarisi dengan kukuh dan kepentingannya juga telah dapat disedari semula.

Saya sentiasa mendoakan dalam keadaan pandemik COVID-19 ini, supaya kita dapat mengatasinya secepat mungkin dengan kemajuan dari vaksinasi, dll., tetapi selain dari pandemik seperti ini, kita mesti memikirkan juga kebarangkalian terjadinya perkara-perkara seperti kekerapan kejadian perubahan cuaca abnormal global yang akan menyebabkan kemungkinan berlakunya perubahan sosial secara tiba-tiba. Saya merasakan bahawa amat penting untuk kita sentiasa menjangkakan pelbagai keadaan yang mungkin kita belum pernah alami, dan sentiasa menjadi fleksibel dan bersedia menangani sebarang kemungkinan.

Membangunkan landasan untuk permulaan visi jangka panjang

Tahun fiskal 2020, adalah tahun perancangan tunggal kita melaksanakan inisiatif sebagai tempoh persediaan ke arah perumusan dan permulaan visi jangka panjang tahun 2030. Dari segi prestasi perniagaan, walaupun produk yang berkaitan dengan komponen semikonduktor dan elektronik menunjukkan prestasi yang baik, permintaan keseluruhan jatuh disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19, terutama pada separuh pertama tahun fiskal. Tetapi, selepas suku ketiga, permintaan mulai pulih di beberapa pasaran, maka tanpa melepaskan peluang tersebut kita telah dapat meningkatkan prestasi perniagaan. Kita percaya bahawa kita telah dapat melancarkan sejumlah produk baru untuk pasaran masa depan, seperti produk yang berkaitan dengan pengurangan plastik. Dalam persekitaran perniagaan yang sukar ini, dapat dikatakan bahawa ini adalah tahun yang telah menjadi landasan untuk visi jangka panjang yang akan bermula pada tahun fiskal 2021.

Menyumbang ke arah merealisasikan masyarakat mampan melalui aktiviti perniagaan

Untuk merumuskan visi jangka panjang, kita telah membincangkan secara dalaman bagaimana masyarakat akan berubah sehingga tahun 2030, dan apa yang harus dilakukan oleh kumpulan syarikat ini untuk menyelesaikan masalah sosial yang semakin meningkat. Oleh itu, sebagai keputusan daripada penelitian semula bagaimana bentuk korporat yang sepatutnya, maka "LINTEC SUSTAINABILITY VISION 2030" (singkatan: LSV2030) telah digerakkan secara pantas demi merealisasikannya. Selanjutnya, berdasarkan konsep back casting^{*1}, sebagai halatuju untuk merumuskan



dan mempromosikan secara berperingkat penanda aras Pelan Pengurusan Jangka Sederhana setiap tiga tahun, mula-mula kita memulakan seiringan Pelan Pengurusan Jangka Sederhana yang baru menyasarkan tiga tahun dari April 2021 hingga Mac 2024.

Sebagai polisi asas visi jangka panjang iaitu "Kami akan menyumbang kepada mewujudkan masyarakat mampan melalui penciptaan produk dan perniagaan baru ke arah pertumbuhan mampan dan memperkukuhkan struktur korporat melalui inovasi", kita telah mengangkat 3 tema penting.

Tema penting yang pertama adalah, "Penyelesaian masalah sosial". Masalah alam sekitar yang mendesak dan perlu ditangani di seluruh dunia seperti perubahan iklim (Alam Sekitar), impak sosial (Sosial) pada kehidupan semua manusia, termasuk rakaniaga, penduduk tempatan, pekerja dan keluarga mereka dan juga termasuk tadbir urus korporat (Tadbir Urus), yang harus membuat keputusan optimum dengan cepat sebagai kumpulan korporat dan meningkatkan ketelusan pengurusan.

Khususnya, untuk menyelesaikan masalah alam sekitar, kita perlu menyumbang kepada merealisasikan masyarakat tanpa karbon, maka kumpulan syarikat ini berhasrat untuk mengurangkan pelepasan CO₂ sehingga 50% atau lebih berbanding 2013, sehingga tahun fiskal 2030 dan hampir sifar pada tahun 2050, dengan cara setiap cawangan pengeluaran memasang peralatan janakuasa suria dan sistem kogenerasi^{*2} dan menggunakan kuasa hijau dari tenaga boleh diperbaharui, dll. Kita juga akan secara aktif mengusahakan penyahkarbonan dalam keseluruhan rantaian nilai.

Seterusnya, kita akan berusaha untuk membangunkan



^{*1} Back casting: Satu kaedah menjangkakan keadaan/ situasi yang akan menjadi objektif ketika memikirkan masa hadapan, kemudian kembali ke masa kini dan memikirkan apa yang harus dilakukan sekarang.

^{*2} Sistem kogenerasi: Sistem yang menghasilkan dua tenaga dengan cekap, seperti tenaga elektrik dan haba, dari satu sumber tenaga seperti gas.



Visi jangka panjang “LINTEC SUSTAINABILITY VISION 2030” (singkatan: LSV2030)

■ Polisi asas

Kami akan menyumbang kepada mewujudkan masyarakat mampan melalui penciptaan produk dan perniagaan baru ke arah pertumbuhan mampan dan memperkukuhkan struktur korporat melalui inovasi.

1 Penyelesaian Masalah Sosial

(1) Alam Sekitar

- Menyumbang ke arah merealisasikan Masyarakat Tanpa Karbon
 - Mengurangkan kuantiti pelepasan CO₂ (mengurangkan 50% atau lebih berbanding tahun fiskal 2013, sehingga 2030)
- Menyumbang ke arah merealisasikan Masyarakat Kitar Semula
 - Perluasan produk yang boleh dikitar semula (pembinaan sistem kitar semula kertas tanggal, dll.)
 - Pengurangan penggunaan air pengairan dan mematuhi standard kualiti air sisa
- Menangani Akta PRTR
 - Kawalan pelepasan VOC (sebatian organik mudah meruap) ke atmosfera (sifar menjelang 2030)
- Menyumbang ke arah memelihara biodiversiti

2021

Pelan Pengurusan Jangka Sederhana “LSV 2030 - Stage 1”

Tempoh: April 2021 - Mac 2024

produk yang dapat dikitar semula, produk biomas, produk biodegradasi dan juga membina sistem kitar semula untuk mengeluarkan kertas tanggal & filem tanggal untuk mewujudkan masyarakat kitar semula. Terdapat banyak rintangan untuk pertukaran bahan mentah, tetapi saya yakin bahawa kumpulan syarikat ini yang telah memaksimumkan fungsi bahan mentah selama ini di dalam industri, akan dapat mencapainya. Kita juga akan terus mempromosikan “bahan bebas pelarut” yang tidak menggunakan pelarut organik dalam proses penyalutan bahan pelekat dan agen pelepas.

Tema penting yang kedua adalah “Memperkuhkan struktur korporat melalui inovasi”. Bagi menyelesaikan masalah sosial secara berterusan, adalah penting syarikat mempunyai struktur korporat yang kuat dan tidak dipengaruhi oleh persekitaran luaran. Salah satunya adalah transformasi proses reka bentuk, pembangunan,

pembuatan, logistik, dan perniagaan menerusi DX. Melakukan penambahbaikan dan mengurus dengan baik pelbagai “muri (kepayahan)” dan “muda (pembaziran)” melalui sistem bukannya dengan “agak-agak” adalah, bukan hanya mengurangkan kos, tetapi juga mengurangkan kesan kepada alam sekitar termasuk mengurangkan beban pekerja dan mewujudkan operasi mampan yang mengalukan perasaan kekitaan dalam kerja.

Tema penting yang ketiga adalah, “Penciptaan produk dan perniagaan baru ke arah pertumbuhan mampan”. Kita akan terus menyediakan produk dan perkhidmatan yang “Melangkaui jangkauan” pelanggan sebagai kumpulan korporat yang melahirkan nilai pasaran baru dengan menggabungkan teknologi unik syarikat, dengan memasukkan teknologi masa hadapan bidang-bidang baru di luar kerangka pemikiran umum di samping menambah baik dengan lebih lanjut pembangunan dan teknologi

(2) Masyarakat

- Menghormati Hak Asasi Manusia
- Pendedahan maklumat kepada pihak berkepentingan dan memperkuat komunikasi
- Mempromosi pembaharuan cara kerja
- Mengamalkan secara menyeluruh prinsip kualiti & pelanggan diutamakan

(3) Tadbir Urus

- Memperkuat tadbir urus korporat
- Meningkatkan lagi keberkesanan lembaga pengarah
- Pendedahan maklumat yang tepat dan memastikan ketelusan
- Dialog yang membina dengan pemegang saham dan pelabur

(4) SDGs

- Sumbangan terhadap pencapaian SDGs menerusi aktiviti perniagaan

2 Memperkukuhkan Struktur Korporat melalui Inovasi

- (1) Transformasi proses reka bentuk, pembangunan, pembuatan, logistik, dan perniagaan menerusi DX^{*1}
- (2) Memperkenalkan peralatan pengeluaran baru untuk penjimatan tenaga, kualiti tinggi, kecekapan tinggi dan penjimatan tenaga kerja dengan kaedah Build & Scrap
- (3) Memperkukuh daya saing kos melalui inovasi proses pengeluaran
- (4) Pembaharuan struktur perniagaan pertumbuhan rendah dan tidak menguntungkan dan pengurusan syarikat kumpulan yang mantap
- (5) Mengekalkan asas kewangan yang kuat dan meningkatkan kecekapan modal

3 Penciptaan Produk dan Perniagaan Baru ke arah Pertumbuhan mampan

- (1) Penciptaan produk dan perniagaan baru menerusi inovasi teknologi
- (2) Perluasan pelaburan strategik dan M&A yang tangkas
- (3) Melonjak menjadi pemain global
- (4) Lokalisasi

Petunjuk kewangan untuk tahun fiskal yang berakhir pada Mac 2030

- Margin keuntungan operasi **12% atau lebih**
- ROE (Pulangan Ekuiti) **10% atau lebih**

Pelan Pengurusan Jangka Sederhana
“LSV 2030 - Stage 2”


Tempoh: April 2024 - Mac 2027

Pelan Pengurusan Jangka Sederhana
2021 “LSV 2030 - Stage 3”

Tempoh: April 2027 - Mac 2030

2030

pengeluaran yang telah kita pupuk selama ini. Apa yang dicari oleh pasaran juga semakin pantas berubah, seiring dengan perubahan persekitaran sosial. Melangkaui jangkaan itu adalah mengesan sebarang perubahan secara sensitif, dan dengan segera memberikan cadangan atau pelaksanaan dengan membangunkannya serta merta.



Pembaharuan kesedaran dan perubahan tingkah laku yang menjangkakan visi jangka panjang

Tahun fiskal pertama Pelan Pengurusan Jangka Sederhana tiga tahun “LSV 2030-Stage 1”, yang merupakan peringkat pertama back casting^{*2} dari visi jangka panjang adalah tempoh masa yang sangat penting untuk kita menanam idea visi jangka panjang dalam syarikat dan membaharui kesedaran pekerja. Kita mesti dengan tegas menggambarkan bentuk apa yang sepatutnya ada dalam diri kita pada tahun 2030, iaitu sekitar 10 tahun dari sekarang. Dari gambaran masa depan itu, kita akan lakukan back casting untuk mengetahui apa yang perlu kita lakukan dan terhadap apa. Saya fikir dengan sering memperluaskan buah fikiran kita, inovasi akan lahir. Pelan Pengurusan

*1 DX: Singkatan bagi Digital Transformation (Transformasi Digital). Ia adalah memanfaatkan data dan teknologi digital untuk menangani perubahan dalam persekitaran perniagaan, transformasi produk, perkhidmatan, dan model perniagaan berdasarkan keperluan pelanggan dan masyarakat, serta mewujudkan kelebihan persaingan dengan transformasi kandungan tugas, proses, organisasi, dan budaya syarikat.

*2 Back casting: → lihat halaman 5

Pelan Pengurusan Jangka Sederhana “LSV 2030 - Stage 1”

April 2021 - Mac 2024

■ Inisiatif utama setiap segmen perniagaan

Bahan percetakan dan bahan-bahan perindustrian

Jabatan Perniagaan Bahan Percetakan dan Maklumat

- Memperluas cawangan pengeluaran dan memperkukuh kemampuan jualan di luar negara, seperti di Amerika Syarikat dan Asia
- Ekspresi sinergi dengan Kumpulan MACtac
- Promosi inisiatif ke arah merealisasikan hidup bersama dengan persekitaran global dan Masyarakat Kitar Semula
- Memperkukuhkan QCD dan menambah keuntungan Jabatan Perniagaan Bahan Industri

Jabatan Perniagaan Bahan Industri

- Perluasan penjualan filem tingkap dan perluasan/ pengembangan produk berprestasi tinggi di dalam dan luar negara
- Perluasan penjualan sistem automasi yang berpusat pada teknologi pelabelan
- Pengenalan produk baru untuk kereta
- Pembangunan bahan pengecatan menggunakan percetakan digital

Elektronik, optik

Jabatan Perniagaan Bahan-bahan Lanjutan

- Memperluas perkongsian pasaran produk berkaitan komponen semikonduktor dan elektronik melalui pelaburan yang agresif
- Pembangunan produk pelbagai-lapisan, ketumpatan tinggi dan membran nipis untuk proses pembuatan perkakas generasi akan datang
- Pembangunan pita proses semikonduktor untuk kereta/ perkakasan kuasa dan untuk MEMS^{*1}
- Penjualan produk aplikasi tiub nanokarbon

Jabatan Perniagaan Optik

- Pembangunan bahan pelekat untuk paparan generasi akan datang
- Pembangunan/ perluasan jualan produk baru OCA (Optical Clear Adhesive)^{*2}
- Memasuki pasaran baru untuk filem penyebar cahaya

Kertas dan bahan yang diproses

Jabatan Perniagaan Kertas

- Pembangunan dan perluasan jualan produk baru untuk yang mematuhi pengurangan plastik dan kehilangan makanan
- Pembangunan produk baru dan pengembangan pasaran
- Pengembangan aplikasi baru dengan memperkuatkan daya saing produk yang ada
- Memperluas penjualan kertas fungsi khas ke pasaran luar negara Jabatan Perniagaan Bahan Pemprosesan

Jabatan Perniagaan Bahan Pemprosesan

- Promosi kertas tanggal tanpa pelarut dan pengurangan polietilena
- Pembangunan teknologi dan perluasan penjualan kertas proses seperti kulit enamel dan sintetik untuk kenderaan
- Pembangunan produk baru dan pengembangan pasaran

Jangka Sederhana setiap 3 tahun itu sudah tentu akan menjadi penanda aras terperinci matlamat yang kita mahu capai, tetapi jika kita terlalu obses terhadapnya, tiadalah apa-apa perubahan dari pada biasa.

Sekiranya peristiwa luar biasa seperti pandemik COVID-19 akan berlaku lagi selepas ini, mampukah kita terus bergerak ke hadapan tanpa menggoyahkan objektif kita sambil menangani masalah sedemikian yang berlaku kadang-kadang sahaja. Saya mengharapkan agar semua pekerja berfikir dan bertindak dengan cara mereka sendiri, memikirkan semangat “Keikhlasan dan Kreativiti” yang dinyatakan dalam Moto Syarikat dan visi jangka panjang yang dinyatakan sebagai bentuk masa depan yang sepatutnya.

Promosi pengurusan kepelbagaian yang menghidupkan kepelbagaian idea

Pembangunan sumber manusia sangat penting untuk menyumbang kepada merealisasikan masyarakat yang mampan. Tidak perlu dikatakan lagi bahawa kata kunci masa depan untuk pembangunan sumber manusia kumpulan syarikat ini adalah “Kepelbagaian^{*3}”. Semakin banyak sumber manusia yang berkemampuan untuk memainkan peranan aktif di dunia dan mempunyai pelbagai perspektif diperlukan kerana domain perniagaan kita semakin menjadi global tahun demi tahun. Sumber manusia yang pelbagai tanpa mengira sifat seperti kewarganegaraan

*1 MEMS (Micro Electro Mechanical Systems): Sistem Elektromekanikal Mikro

*2 OCA (Optical Clear Adhesive): Helaian pelekat telus cahaya

*3 Kepelbagaian: Terdapat orang yang mempunyai taraf, nilai dan sebagainya yang berbeza dalam satu kumpulan.

dan jantina diperlukan. Di samping pengambilan sumber manusia yang pelbagai, adalah penting untuk mewujudkan persekitaran di mana kepelbagaian dapat diterima tanpa rasa janggal.

Boleh dikatakan bahawa promosi pelbagai langkah berasaskan konsep kepelbagaian ini akan menjadi batu loncatan yang sangat penting dari perspektif pengurusan global. Sebagai orang yang bertanggungjawab dalam mencapai visi jangka panjang, kita akan membangunkan sumber manusia yang dapat menunjukkan daya kepemimpinan yang dapat berfikir dan bertindak menjelang 2030.

Pengukuhan inisiatif SDGs menjadi teras pengurusan

Kumpulan syarikat ini meletakkan SDGs sebagai teras pengurusan korporat dan berusaha untuk menyumbang untuk Penyelesaian Masalah Sosial melalui perniagaan utamanya. Semasa saya melancarkan “Jawatankuasa SDGs” pada tahun 2018, saya sendiri adalah pengarah promosi. Sekarang, merealisasikan Masyarakat Tanpa Karbon dan Masyarakat Kitar Semula yang diangkat sebagai tema penting visi jangka panjang kita adalah SDGs sebenarnya, maka inisiatif untuk merealisasikannya harus dijadikan tema amalan yang lumrah di dalam aktiviti perniagaan harian kita.

Pada bulan April tahun ini, syarikat telah menamakan semula Bahagian Promosi CSR yang berada di bawah bidang kuasa Presiden menjadi “Bahagian Promosi Kemampanan”, dan menubuhkan “Jawatankuasa Kemampanan” baru di mana pegawai pengurusan atasan, pegawai terkait dan pengarah luar turut terlibat. “Jawatankuasa SDGs” yang baru ditubuhkan di bawah payungnya akan menjadi organisasi rentas syarikat di mana pelbagai sumber manusia dikumpulkan. Maksudnya, saya rasa ia akan menjadi salah satu bentuk kepelbagaian yang syarikat sasarkan pada masa akan datang. Sebenarnya, melalui perbincangan aktif melangkaui kerangka kerja


organisasi konvensional, banyak idea sedang muncul yang mungkin membawa kepada produk dan perniagaan baru. Bagi pembuatan produk selepas ini, amat penting untuk difikirkan oleh semua pekerja bukan hanya mengharapkan jabatan-jabatan khusus. Kita tidak akan meletakkan SDGs sebagai aktiviti tambahan yang berbeza dari perniagaan utama, sebaliknya kami ingin mewujudkan platform di mana pekerja dapat menganggap bahawa itu adalah perniagaan mereka sendiri.

Di samping itu, kumpulan syarikat ini telah mengenal pasti materialiti (isu utama) yang harus difokuskan oleh syarikat dari pelbagai tema ESG. Materialiti ini juga akan dikaji semula dengan menyusun kesan terhadap aktiviti perniagaan di seluruh rantai nilai dan memasukkan perspektif perubahan sosial dan SDGs.

Kami menyasarkan untuk merealisasikan bentuk yang ideal dengan menyatukan kekuatan semua pekerja

Mengenang kembali 1 tahun dan beberapa bulan yang lalu, ada satu perkara lagi yang sangat saya rasakan. Ia adalah jangkaan tinggi pelabur terhadap kumpulan syarikat ini. Menerusi pertemuan dengan pelabur institusi di dalam dan luar negara, kami telah menerima pelbagai pandangan mengenai penambahbaikan perniagaan dan pengurusan. Saya sendiri sering disuruh berfikir, dan saya berpendapat bahawa saya telah berjaya mengadakan dialog yang membina dengan bertukar pendapat secara terus terang. Segala pandangan yang diterima jika perlu akan dimasukkan ke dalam pengurusan dan langkah penambahbaikan supaya kita dapat memenuhi jangkaan semua orang akan diambil.

Pada masa akan datang, dunia akan memasuki era ketidakpastian yang lebih besar, dan perkara-perkara luar jangkaan mungkin akan terjadi secara kebiasaan. Saya merasakan pandemik COVID-19 yang kita hadapi sekarang adalah petunjuknya. Maka oleh itu, kita sedang memasuki era di mana tindak balas pantas yang belum pernah dilakukan sebelum ini diperlukan dan sikap kita terhadap masyarakat sebagai sebuah syarikat akan dinilai dengan jelas. Kumpulan syarikat ini telah melakukan perubahan besar ini secara langsung, di samping telah menetapkan visi jangka panjang bertujuan untuk menyumbang kepada Penyelesaian Masalah Sosial dan mencapai pertumbuhan mampan. Kita akan bergerak ke hadapan untuk merealisasikan secara pasti bentuk ideal kumpulan syarikat ini seperti yang dibayangkan oleh kita sendiri dengan menyatukan keseluruhan kekuatan setiap pekerja.





Aktiviti SDGs ke arah Penyelesaian Masalah Masyarakat yang diusahakan di seluruh kumpulan

Berdasarkan Moto Syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti”, Kumpulan LINTEC menggabungkan SDGs*1 ke dalam pengurusannya dan berusaha untuk menyumbang untuk menyelesaikan masalah masyarakat melalui perniagaan utamanya.

Jawatankuasa SDGs dan Jawatankuasa Kecil Jepun Barat secara aktif berusaha untuk mengembangkan aktiviti sebagai satu kumpulan untuk mencapai matlamat SDGs.

Inisiatif setakat ini

Jawatankuasa SDGs ditubuhkan pada tahun 2018, dimulakan dengan “Bengkel CSR Menyerang” di LINTEC pada tahun fiskal 2015. Dengan menyelesaikan Masalah Masyarakat melalui perniagaan kami, kami menasarkankan untuk mengangkat

inovasi di LINTEC. Bagi Kumpulan LINTEC, inovasi adalah aktiviti “Kreativiti” diambil dari Moto Syarikat, “Keikhlasan dan Kreativiti”. Untuk membuat cadangan yang selangkah lebih terkehadapan dari pelanggan, kita perlu menjangkakan dan

menyelesaikan masalah masyarakat.

Ahli Jawatankuasa SDGs adalah terdiri dari wakil dari berbagai jabatan, termasuk penyelidikan, pengeluaran, dan jualan. Ahli telah mengetahui mengenai megatrend*2 dan SDGs dari sifar. Kemudian ia dibahagikan kepada beberapa pasukan kecil dan ahli telah menyemak semula dan menambah baik perniagaan baru atau perniagaan sedia ada dengan menggunakan SDGs sebagai petunjuk. Pelajaran yang diperolehi ahli daripada aktiviti sebegini akan dikembalikan ke setiap jabatan dan ia akan menjadi manual untuk menyebarkan SDGs ke seluruh syarikat.



Suara Ahli Jawatankuasa SDGs

Di Jawatankuasa SDGs, saya mempunyai banyak peluang untuk berinteraksi dengan orang-orang dari cawangan dan jabatan lain, dan saya diberkati dengan pertemuan baru. Agak susah untuk memperolehi ilmu baru seperti back casting*3, tetapi melalui aktiviti tersebut, saya dapat memahami kegunaan pengetahuan dan kaedah tersebut.



Eri Yuzaki
Bahagian Pelan Pengurusan

Aktiviti Jawatankuasa Kecil Jepun Barat adalah pengalaman pertama menyelesaikan semua perkara dari belajar hingga membuat laporan di dalam talian. Dalam keadaan seperti itu, dengan menjadi ketua untuk jangka masa tertentu sambil mengamalkan trial-and-error, saya berjaya mengambil pendapat semua ahli dan merumuskan semuanya.



Nao Iwai
Seksyen Teknologi Pembuatan
Bahagian Pembuatan Kilang Tatsuno

*1 SDGs: Singkatan bagi Sustainable Development Goals (Matlamat Pembangunan Lestari). 17 matlamat dan 169 sasaran yang telah diletakkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2015. Dengan tahun 2030 sebagai tahun sasaran, diharapkan negara-negara dan pemain utama di seluruh dunia akan berbincang dan mengambil tindakan ke arah mewujudkan dunia yang lebih baik, sebagai objektif bersama masyarakat antarabangsa.

*2 Megatrend: Trend sosial global

*3 Back casting: → lihat halaman 5



Cadangan Idea Perniagaan Baru oleh Jawatankuasa SDGs



Jawatankuasa SDGs yang melakukan inisiatif untuk membuat “Model perniagaan yang menyelesaikan masalah masyarakat melalui perniagaan utamanya”, telah merancang untuk melaporkan kepada pihak pengurusan pada bulan Mac 2020, tetapi disebabkan oleh pandemik COVID-19, “Mesyuarat Proposal” telah diadakan secara dalam talian pada bulan Oktober.

Daripada tersebut, empat pasukan telah mencadangkan model perniagaan baru kepada syarikat ini, bertujuan untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan mencapai keuntungan perniagaan pada masa yang sama.

Dalam membuat proposal ini, setelah mempelajari tentang SDGs, masyarakat mampan, kaedah back casting, dll., ahli pasukan masing-masing mempersembahkan bentuk ideal sambil mempertimbangkan

megatrend, dan telah membuat model perniagaan sebagai strategi yang diperlukan untuk merealisasikan. Bukan hanya dengan sokongan dari dalam syarikat, setiap pasukan juga telah membuat pertimbangan dengan kerjasama universiti luar, institusi penyelidikan, syarikat, NPO/ NGO, dll., dan mencadangkan idea yang luas dan pelbagai tanpa terikat dengan perniagaan dan teknologi kumpulan syarikat sedia ada.

Semua idea yang dikemukakan oleh setiap pasukan telah dinilai oleh pihak pengurusan, dan pengendalian dan proses selanjutnya telah diputuskan. Hasilnya, banyak idea yang diusulkan akan dinilai secara berterusan, dan selepas ini penyelidikan dan penilaian akan juga dipertanggungjawabkan kepada selain jawatankuasa ini seperti Ibu Pejabat Pengeluaran, Ibu Pejabat R&D, dan Jabatan Perniagaan.

Inisiatif Jawatankuasa SDGs Jawatankuasa Kecil Barat Jepun

Jawatankuasa Kecil Jepun Barat ditubuhkan pada bulan Julai 2020 dengan merekrut anggota dari cawangan Osaka dan empat kilang di Jepun Barat. Kami membentuk dua pasukan yang terdiri daripada 11 anggota dari pelbagai jabatan, dan walaupun kami tidak dapat berkumpul walaupun sekali kerana pandemik COVID-19 ini, kami tetap berusaha untuk melakukan aktiviti dalam talian dengan trial-and-error.

Di Jawatankuasa Kecil Jepun Barat, sama seperti jawatankuasa sebelum ini, setelah mempelajari pengetahuan asas, kami berkongsi kesedaran masalah tentang “SDGs apa yang belum dilakukan sebagai sebuah kumpulan syarikat pada masa ini”. Di samping itu, semua pekerja sentiasa peka dengan masalah masyarakat, dan setiap pasukan berulang kali mempertimbangkan bagaimana untuk menghubungkan SDGs dengan tindakan mereka sendiri dan pada

bulan Mac 2021, telah membentangkan “Cadangan untuk menjadikan inisiatif SDGs sebagai aktiviti seluruh syarikat” kepada pengarah promosi dan pihak atasan kami.

Dalam cadangan itu, satu pasukan telah mencadangkan agar “Memahami SDGs”, “Mengetahui LINTEC”, “Berinteraksi melangkaui cawangan”, dan “Berhubungan dengan pihak berkepentingan” sebagai empat langkah untuk menjadikan inisiatif SDGs sebagai aktiviti seluruh syarikat dan mereka turut mencadangkan 10 langkah yang akan dilaksanakan bagi setiap langkah. Selain memberikan input pengetahuan kepada setiap pekerja, langkah-langkah yang diharapkan dapat mengubah tindakan melalui output juga dipertimbangkan.

Satu pasukan yang lain pula telah mencadangkan sistem pemarkahan supaya banyak orang berminat dengan SDGs dan masalah masyarakat dan

mengambil tindakan. Dari perspektif “Menjadikan SDGs sebagai kebiasaan”, banyak idea-idea yang membawa kepada pelbagai aktiviti telah disampaikan.

Ahli-ahli yang mengenang kembali aktiviti Jawatankuasa Kecil Jepun Barat telah mengatakan bahawa mereka telah mempelajari perkara baru dan menyedari bahawa hal orang lain telah menjadi hal diri sendiri, dan mereka dapat melihat perubahan yang telah terjadi pada ahli itu sendiri setelah ditanya.



Kumpulan LINTEC telah merumuskan visi jangka panjang, “LINTEC SUSTAINABILITY VISION 2030” menuju tahun sasaran SDGs, 2030, dan telah menetapkan tema keutamaan “Menyumbang kepada pencapaian SDGs melalui aktiviti perniagaan”. Kita akan terus berusaha sebagai satu kumpulan, termasuk dengan kumpulan luar negara.

Materialiti LINTEC (Isu Utama) dan SDGs

“Materialiti” ialah pengenalpastian isu-isu yang perlu diberi perhatian oleh syarikat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti CSR. Kumpulan LINTEC telah mengenal pasti Materialiti pada tahun 2014. Namun begitu, berdasarkan Masalah Masyarakat yang berterusan berubah, kami telah meneliti semula tema materialiti di samping mengadakan dialog harian dengan pihak berkepentingan.

Materialiti yang baru ini telah memasukkan perspektif SDGs dan juga visi jangka panjang “LINTEC SUSTAINABILITY VISION 2030” yang bermula sejak April 2021. Pada masa akan datang, kami juga akan menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)*1.

Tema dalam materialiti yang baru dikenal pasti ini akan diberi fokus khusus, dan akan mempromosikan aktiviti sebagai Kumpulan LINTEC.

Proses meneliti semula materialiti



Peta materialiti

Dalam kajian semula materialiti kali ini, banyak jabatan terlibat, dan perubahan trend sosial dan aktiviti perniagaan global dan strategi perniagaan Kumpulan LINTEC telah diatur dalam rantaian nilai.

Dari segi kepentingan dalam syarikat (LANGKAH 3), selain visi dan strategi setiap jabatan, pihak pengurusan termasuk pengerusi dan presiden telah mempertimbangkannya, dan kemudian memetakannya dengan membandingkan dengan kepentingan luaran (LANGKAH 4). Materialiti yang telah dikenal pasti dimuktamadkan setelah diluluskan oleh lembaga pengarah.

Selepas ini, kami akan merumuskan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk materialiti dan merangkumkannya ke dalam aktiviti, menilai aktiviti dari masa ke masa di samping secara berkala mengesahkan kesesuaian dan mengkaji materialiti itu sendiri.



*1 Petunjuk Prestasi Utama (KPI): Key Performance Indicator Indeks penting yang berkaitan dengan strategi organisasi yang telah ditetapkan untuk mengukur secara kuantitatif tahap pencapaian matlamat.

*2 ESG: Singkatan umum bagi 3 elemen, iaitu Environment (Alam Sekitar), Social (Masyarakat), Governance (Tadbir Urus) dan 3 perspektif penting untuk pertumbuhan jangka panjang syarikat.

Senarai Tema Materialiti

Perniagaan secara keseluruhan

Sumbangan kepada aspek industri

Peta 1

Memperkuh struktur korporat melalui inovasi



Peta 2

Penciptaan produk dan perniagaan baru ke arah pertumbuhan mampan



Alam sekitar

Sumbangan kepada persekitaran global yang mampan

Peta 3

Tindak Balas terhadap perubahan iklim



Peta 4

Merealisasikan masyarakat kitar semula



Peta 5

Perolehan bahan mentah mampan



Peta 6

Pemeliharaan biodiversiti



Masyarakat

Menghormati hak asasi manusia

Peta 7

Usaha wajar hak asasi manusia



Peta 8

Tindak balas terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan



Peta 9

Promosi kepelbagaian



Peta 10

Promosi pembaharuan cara kerja



Peningkatan pengurusan rantai nilai

Peta 11

Mengamalkan secara menyeluruh prinsip pelanggan diutamakan



Peta 12

Peningkatan kualiti, kos dan kepuasan pelanggan



Menguatkan komunikasi dengan pihak berkepentingan

Peta 13

Simbiosis dengan komuniti serantau



Tadbir urus

Promosi tadbir urus keseluruhan kumpulan

Peta 14

Pentadbiran organisasi



Peta 15

Aktiviti perniagaan adil



SDGs (Matlamat Pembangunan Mampan) ialah

Singkatan bagi Sustainable Development Goals (Matlamat Pembangunan mampan). Untuk isu yang perlu disokong oleh masyarakat antarabangsa dan diterima oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015, ia bermula dari 1 haribulan Januari 2016, dan mempunyai 17 matlamat dan 169 sasaran yang mempunyai had tempoh iaitu perlu dicapai sehingga tahun 2030. Diperlukan untuk mencapai kreativiti dan inovasi untuk menyelesaikan masalah. Kerajaan, masyarakat setempat, sektor swasta dan semua pihak berkepentingan dijangkakan dapat memberikan sumbangan untuk mewujudkannya.

Rantainya nilai dan pihak berkepentingan

Konsep rantaian nilai LINTEC

Kegiatan perniagaan Kumpulan LINTEC memberi impak kepada setiap rantaian nilai. Dalam setiap fasa, kami berhasrat untuk mewujudkan masyarakat yang mampan dengan kerjasama di seluruh jabatan dan mempromosikan penelitian semula dan penambahbaikan operasi dengan kesedaran tentang SDGs.

Seterusnya, kami menyediakan tempat untuk berdialog dengan pihak berkepentingan dan mencerminkannya di dalam operasi.



VOICE (Suara)

Logistik

Di tengah tuntutan sosial untuk logistik yang mengurangkan kesan kepada alam sekitar dan meningkatkan produktiviti seluruh industri logistik, kami akan terus bekerjasama dengan syarikat logistik dan cawangan pengeluaran menyasarkan logistik yang sesuai kepada bumi dan persekitaran sosial dengan 3 paksi, iaitu "Mempromosikan anjakan mod*1", "Peningkatan kecekapan muatan", "Pengeoptimuman route pengangkutan".



Takeshi Kageyama
Kumpulan Logistik
Bahagian Kawalan Pengeluaran

Isu sosial yang berkaitan dengan perniagaan



Perolehan bahan mentah



Menuju kewujudan dan pertumbuhan bersama dengan pembekal, serta menggalakkan perolehan CSR

Penyelidikan dan pembangunan



Penciptaan produk baru yang inovatif yang menyumbang kepada masyarakat yang berpusat di Ibu Pejabat Penyelidikan dan Pembangunan



Sorotan usaha-usaha LINTEC

Bilangan pembekal bahan mentah, Lebih kurang **500** syarikat

Peratusan menjawab soal selidik daripada 102 syarikat pembekal utama **94.1** %

Penyelidikan dan pembangunan proaktif bagi mencapai harapan pelanggan

Kos penyelidikan dan pembangunan **7.6** bilion yen

*1 Anjakan mod: Kami merancang pengurangan pelepasan CO₂ dengan menukarkan pengangkutan perumpang dan kargo kepada pengangkutan keretapi dan kapal yang boleh mengangkut secara besar-besaran.

VOICE (Suara)

Jualan dan penggunaan

Semasa menjual produk, kami menerima permintaan kaji selidik yang berkaitan dengan kualiti/ alam sekitar sebagai permintaan pelanggan, dan jika terjadi kemalangan atau bencana, kami menerima banyak pertanyaan mengenai pembekalan. Kami ingin melangkaui jangkaan pelanggan dengan menyebarkan permintaan pelanggan dengan cepat dari jabatan jualan ke jabatan yang berkaitan dan dengan memajukan dan mempercepat penyebaran maklumat produk.



Makoto Inoue
Adhesive Products Group
LINTEC SINGAPORE
PRIVATE LIMITED

Isu sosial yang berkaitan dengan perniagaan



VOICE (Suara)

Pelupusan dan kitar semula

Di Kilang Tatsuno, kami sedang berusaha untuk mengasingkan sampah (pada masa ini, kami mengasingkan 46 jenis sampah dan 18 jenis sampah yang dikembalikan) berdasarkan idea "Mencampurkan adalah sampah, mengasingkan adalah sumber". Dengan memvisualisasikan jumlah sampah yang dihasilkan, saya rasa pekerja dapat terus "Menyedari pengurangan kuantiti". Saya ingin terus mempromosikan pengasingan sampah dengan menyedari pengurangan kuantiti bahan buangan ke seluruh syarikat.



Yuji Nakayasu
Seksyen Teknologi Fasiliti
Bahagian Kejuruteraan
Kilang Tatsuno

Isu sosial yang berkaitan dengan perniagaan



Pengeluaran



Meningkatkan kecekapan pengeluaran di dalam dan luar negara serta mengurangkan kesan buruk kepada alam sekitar, juga menggalakkan pengeluaran produk baru secara besar-besaran

Logistik



Mencapai pembekalan sumber produk yang stabil dan mengurangkan kesan kepada alam sekitar yang disebabkan oleh anjakan mod

Jualan/ Penggunaan



Menawarkan kepercayaan dan keyakinan berdasarkan "pembuatan produk (monozukuri)" yang berkualiti tinggi yang dapat memuaskan hati pelanggan

Pelupusan dan kitar semula



Promosi pengurangan sisa dan penggunaan yang berkesan

Pelaksanaan pelbagai aktiviti sumbangan sosial di setiap lokasi perniagaan
Jumlah sumbangan tahunan dalam aktiviti sumbangan sosial **13.38** juta yen

Jumlah pelepasan CO₂ disebabkan logistik **4.9%** berbanding tahun fiskal 2019
Unit asas penggunaan tenaga Bertambah sekitar **0.5%**

Nisbah bilangan kes kemalangan kualiti berdasarkan kawalan kualiti yang menyeluruh Berkurang **63%** daripada tahun 2010 (tahun rujukan)

Nisbah pelupusan terakhir **0.5%**

Tadbir urus

Pengurusan risiko

Untuk mengukuhkan sistem pengurusan risiko, pada April 2018, Kumpulan LINTEC telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Seluruhan Syarikat yang terdiri daripada pengurus besar dan pengurus organisasi di bawah kawalan langsung presiden. Perjumpaan jawatankuasa diadakan secara berkala.

Pada bulan April 2021, sistem untuk mempromosikan kemampanan telah diperbaharui dan diperkuat, dan objektif Jawatankuasa ini diperjelaskan lagi sebagai “Memahami risiko dan peluang dalam perniagaan, merumuskan polisi tindakan, merangkumkan ke dalam sistem pekerjaan dan verifikasi”. Input kepada jawatankuasa ini adalah terutamanya isu yang dibawa oleh setiap ahli dan maklumat penyelesaian risiko untuk pengurus, dll. sekali setahun, dan status jawatankuasa ini akan dilaporkan kepada lembaga pengarah setiap suku tahun, maklumat pula akan dikongsi dan arahan selanjutnya akan diterima. Pada masa akan datang juga, kita akan terus berusaha bersama-sama dengan jawatankuasa yang lain, untuk memperkuatkan keupayaan pengurusan risiko, mengenal pasti risiko dan peluang tepat pada masanya, dan menyumbang kepada pertumbuhan berterusan Kumpulan LINTEC.

Kajian global berkaitan hak asasi manusia/ buruh

Kumpulan LINTEC menjalankan kajian keadaan sebenar berkaitan hak asasi manusia dan pekerja setahun sekali untuk semua syarikat kumpulan.

Subjek kajian merangkumi banyak perkara termasuk pematuhan undang-undang dan penghapusan diskriminasi, menghormati hak asasi manusia, melarang buruh kanak-kanak, melarang buruh paksa, gaji, waktu bekerja, perbincangan dan konsultasi bersama para pekerja, persekitaran kerja yang selamat dan sihat dan juga pemupukan modal insan.

Kami juga menjalankan kajian* pada Februari 2021 untuk memastikan pematuhan undang-undang di setiap negara dan wilayah, tatakelakuan Kumpulan LINTEC difahami, dan memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat yang menghormati hak asasi manusia terjamin.

Pada masa akan datang, kami akan menjalankan kajian berkala sekali setahun, dan memanfaatkannya bagi memahami keadaan sebenar dan penambahbaikannya.

Pembinaan BCMS^{*1} di seluruh syarikat

LINTEC dan TOKYO LINTEC KAKO, INC., LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. sedang berusaha menetapkan BCP^{*2} supaya dapat meminimumkan kecederaan kepada individu dan membantu menyambung semula perniagaan dengan pantas ketika berlaku pelbagai bencana seperti gempa bumi.

Pada Mac 2014, kami telah mendapatkan pensijilan ISO22301^{*3} : 2012, dan bagi meneruskan/ menambah baik BCP, kami melakukan operasi BCMS.

Pada masa akan datang juga, kami akan terus berusaha untuk menghidupkan semula dan meningkatkan aktiviti kami

dengan mempromosikan BCMS kepada semua pekerja di samping mengulangi latihan.

Pendidikan undang-undang untuk pihak pengurusan dan pekerja

LINTEC menyediakan latihan untuk pihak pengurusan seperti pengarah dan pegawai eksekutif untuk mempromosikan pemahaman mengenai hal ehwal undang-undang korporat. Pada tahun fiskal 2020, acara tersebut diadakan pada bulan Julai 2020 dengan tema “Revitalisasi bisnis dan peranan Peguam” dan pada Januari 2021 dengan tema “Aliran pertimbangan audit utama (KAM)”. Bagi pekerja, selain melakukan “Latihan undang-undang untuk jawatan jualan” untuk jawatan jualan pertengahan (diadakan empat kali dalam talian pada tahun fiskal 2020), mesyuarat tahunan untuk pengurus dan pengurus seksyen yang baru dilantik juga memasukkan ceramah undang-undang ke dalam latihan. Kami juga menerbitkan “Berita Undang-undang” enam kali setahun, yang memberikan maklumat undang-undang tepat pada masanya. Melalui latihan dan penyebaran maklumat sebegini, telah membolehkan kami memperkenalkan isi kandungan undang-undang dan peraturan setiap negara dan contoh-contoh kes pelanggaran mengenai pencegahan korupsi, meningkatkan kepekaan terhadap “risiko undang-undang” yang tersembunyi dalam kegiatan perniagaan harian, untuk memungkinkan pengesanan dan tindak balas risiko awal.

■ Berita undang-undang yang diterbitkan pada tahun fiskal 2020

Diterbitkan	No.	Tajuk
Mei 2020	34	Masalah undang-undang terhadap urus niaga semasa pandemik COVID-19
Julai 2020	35	Berhati-hati terhadap “Penipuan e-mel perniagaan”
September 2020	36	Risiko undang-undang terhadap fitnah dan berita palsu (penipuan) tersebar di media sosial
November 2020	37	Mengenai “Telework” bentuk cara kerja baru
Januari 2021	38	Ia bukan kebakaran di tebing sana! Banyak kerangka kerja untuk peraturan transaksi antarabangsa, termasuk kawalan eksport
Mac 2021	39	Ringkasan berita dari April 2020 hingga Mac 2021

Pembentukan kaunter rundingan (laporan dalaman dan rundingan gangguan)

Di Kumpulan LINTEC, kami menyediakan servis talian bantuan (sistem laporan dalaman) supaya sesiapa sahaja boleh membuat laporan ketika menemui sebarang kesalahan undang-undang/ etika yang serius tanpa merisaukan kerugian. Talian tersebut melibatkan peguam dari organisasi pihak ketiga, pelaksanaan siasatan yang pantas dengan melindungi pemberi maklumat dan maklumat tersebut boleh dilakukan. Di samping itu, “Kaunter Rundingan Gangguan” telah beroperasi untuk menambahbaik persekitaran kerja.

Petunjuk prestasi yang telah ditandakan ★ mendapat pengesahan daripada pihak ketiga syarikat SGS Jepun. Hasil daripada pengesahan pihak ketiga, tiada perkara yang penting yang perlu diperbetulkan.

*1 BCMS: Singkatan bagi Business Continuity Management System (Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan). Kaedah pengurusan yang merumuskan pelan kesinambungan perniagaan dengan memahami keadaan semasa organisasi, melaksanakan penilaian efisien pelan berdasarkan latihan, dan mengendalikan sistem untuk “meneruskan perniagaan” ketika berlaku kejadian yang memberi kesan besar kepada perkhidmatan atau produk penting syarikat.

*2 BCP: Singkatan bagi Business Continuity Plan (Pelan Kesenambungan Perniagaan). Pelan tindakan awal untuk membolehkan kelangsungan atau pemulihan segera perniagaan sambil meminimumkan kerosakan jika syarikat menghadapi kecemasan seperti kemalangan, bencana dan sebagainya.

*3 ISO22301: Piawain antarabangsa BCMS yang efektif dan berkesan untuk merancang langkah penyelesaian syarikat dan organisasi, serta melaksanakannya dengan efektif dan berkesan dalam kejadian seperti gempa bumi dan kebakaran, kegagalan sistem IT dan krisis kewangan, kejadian bankrap pelanggan, wabak, bencana atau kemalangan.

Laporan Alam Sekitar

Sistem Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan LINTEC secara aktif berusaha untuk melindungi persekitaran global berdasarkan “Dasar Kesinambungan Perniagaan, Kualiti dan Alam Sekitar”. Dalam integrasi global ISO14001, kami telah menerima audit kemas kini pada tahun fiskal 2020 dan memperolehi sijil pendaftaran audit terbitan 14 (nombor terbitan 14). Kami mempromosikan perkongsian maklumat di 12 pejabat berdaftar di dalam negara dan 10 pejabat berdaftar di luar negara. Kami telah menerima pengesahan pihak ketiga untuk jumlah penggunaan elektrik, penggunaan air pengairan, pelepasan CO₂, penjaan sisa dan jumlah pelepasan VOC ke atmosfera, dan tidak ada item penting yang harus diperbetulkan. Demi pemuliharaan kepelbagaian biologi, kami akan terus terlibat dalam kegiatan penanaman pokok, aktiviti pembersihan pantai dan sebagainya. Kami menyertai keahlian CLOMA*⁴ yang bertujuan mengurangkan sisa plastik di lautan, dan sebagai warga korporat, kami juga berusaha untuk mencadangkan dan melancarkan produk yang mesra alam.

Inisiatif untuk mengurangkan perubahan iklim

Jumlah penggunaan tenaga (setara minyak mentah: skop Undang-undang Penjimatan Tenaga) bagi Kumpulan LINTEC dalam negara*⁵ pada tahun fiskal 2020 telah berkurangan dari tahun fiskal sebelumnya disebabkan penurunan jumlah pengeluaran, tetapi unit asas tenaga telah bertambah menjadi 0.312 kL/t. Selain itu, pelepasan gas CO₂ tahun fiskal 2020 adalah 148 ribu tan, penurunan daripada 163 ribu tan dalam tahun fiskal 2019. Pada tahun fiskal 2021, kami akan meneruskan usaha dalam penggunaan tenaga elektrik dengan pelepasan karbon yang rendah. Dengan unit asas tahun fiskal 2020, kami meletakkan matlamat penambahbaikan dengan jumlah pelepasan gas CO₂ sebanyak 1% dan jumlah penggunaan tenaga elektrik sebanyak 1%.

Pematuhan Peraturan PRTR*⁶

Bahan-bahan PRTR yang dilaporkan oleh LINTEC pada tahun fiskal 2020 seperti toluena, xilena dan sebagainya, dan jumlah yang dikendalikan adalah 6,692 tan. Bahan yang paling ditangani adalah toluena iaitu menyumbang kira-kira 99% daripada jumlah keseluruhan, iaitu 6,614 tan. Pengurangan sebanyak 1,038 tan dari tahun fiskal sebelumnya disebabkan pengurangan pengeluaran. Pada tahun fiskal 2020, jumlah toluena yang dilepaskan ke atmosfera adalah 399 tan iaitu penurunan sebanyak 65 tan dari tahun fiskal sebelumnya. Jumlah pemindahan adalah 496 tan, meningkat 133 tan dari tahun fiskal sebelumnya. Secara keseluruhan, jumlah penggunaan dan jumlah pelepasan menurun kerana penurunan jumlah pengeluaran, tetapi dianggap bahawa jumlah pergerakan (jumlah buangan cecair) meningkat disebabkan peningkatan jumlah pembersihan kerana lot yang lebih kecil. Mesin rawatan dipasang untuk mengurangkan pelepasan pelarut organik ke atmosfera. Kami melarang pengeluaran di kilang yang tidak menjalankan mesin rawatan ketika pengeluaran. Pada tahun fiskal 2020, tiada kes di mana mesin rawatan tidak dijalankan ketika melakukan pengeluaran.

Inisiatif dalam pembangunan produk

Kumpulan LINTEC komited untuk membangunkan produk yang bertujuan untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar. Di samping itu, kami berusaha untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dari reka bentuk sehingga pelupusan dengan merujuk kepada LCA*⁷.

Pengurangan jumlah penggunaan air pengairan dan pelepasan air

Jumlah air pengairan yang digunakan oleh LINTEC pada tahun fiskal 2020 adalah 7,951 ribu m³. Sebanyak 88% daripadanya digunakan di Kilang Kumagaya dan Mishima, yang memiliki jabatan pembuatan kertas. Pada tahun fiskal 2020, unit asas adalah 51.04 m³/t, dan penurunan sasaran 1.0% dari tahun fiskal sebelumnya tidak dapat dicapai. Lot menjadi lebih kecil dan jumlah pengeluaran telah menurun, tetapi unit asas air pengairan menjadi lebih buruk kerana air diperlukan untuk pembersihan ketika menukar kertas. Pada tahun fiskal 2021, kami berhasrat untuk menurunkan unit asas sebanyak 1.0% dibandingkan dengan tahun fiskal sebelumnya, dan akan terus berusaha untuk mengurangkan jumlah penggunaan air pengairan dan pelepasan air dalam setiap proses dan melakukan langkah-langkah untuk mengatasi kebocoran air.

Jumlah penggunaan air pengairan dan pelepasan air

Jenis	Tahun fiskal 2020 (ribu m ³)
Jumlah air pengairan (akumulasi dari sumber air)	7,951
● Air paip	531
● Air industri	3,660
● Air bawah tanah	3,760
Air sisa	6,163

Peringkat saya seterusnya

Di Kilang Kumagaya, kami meneruskan pengumpulan, penggunaan semula dari air pendingan perkakas dan mesin, dan juga mengawal sesuai air pembersihan proses. Hasilnya, unit asas penggunaan air pengairan pada tahun fiskal 2020 bertambah baik 11.5% berbanding tahun fiskal 2013. Kami akan terus bekerjasama dengan jabatan berkaitan untuk menjimatkan lebih banyak air.



Hidetomo Inoue
Seksyen Pembuatan Kertas
Bahagian Pembuatan Kertas
Kilang Kumagaya

*4 CLOMA: Singkatan bagi Clean Ocean Material Alliance (Kesatuan Bahan Laut Bersih) ia adalah platform untuk mempercepatkan inovasi melalui perkongsian awam-swasta dengan menggalakkan penggunaan secara mampan produk plastik, dan pembangunan & pengenalan bahan alternatif untuk mengurangkan sisa plastik marin. Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri yang mengetuai.
*5 Kumpulan LINTEC domestik: LINTEC Corporation, merangkumi pusat perniagaan LINTEC Corporation, TOKYO LINTEC KAKO, INC., PRINTEC, INC., LINTEC SERVICE CO., LTD. dan LINTEC COMMERCE CO., LTD.


*6 Undang-Undang PRTR: Singkatan bagi Pollutant Release and Transfer Register (Jumlah pelepasan & pemindahan bahan kimia) iaitu perundangan sistem pemberitahuan (Undang-undang berkenaan pelaporan dan sebagainya pelepasan bahan kimia tertentu ke persekitaran dan mempromosi penambahbaikan dalam pengurusan).
*7 LCA: Singkatan bagi Life Cycle Assessment. Kaedah untuk menilai secara keseluruhan kesan terhadap alam sekitar dengan mengira jumlah tenaga, air, dan sumber yang digunakan serta CO₂, dan bahan kimia toksik yang dilepaskan sepanjang keseluruhan kitaran hidup produk.

Laporan Kemasyarakatan

Sistem Jaminan Kualiti

Kumpulan LINTEC menjalankan sistem jaminan kualiti berdasarkan ISO9001^{*1}. Kumpulan domestik telah menggabungkan 6 jabatan perniagaan ke dalam QMS, dan pada tahun fiskal 2020, Tokyo LINTEC Processing Co., Ltd. digabungkan ke dalam QMS Jabatan Perniagaan Bahan Percetakan dan Maklumat untuk memperkuat kerjasama. Kumpulan luar negara juga telah mewujudkan dan mengendalikan sistem jaminan kualiti di 12 lokasi.

■ Nisbah kemalangan berkualiti



Perhatian) 1. Nisbah jumlah kemalangan berkualiti di LINTEC Corporation, TOKYO LINTEC KAKO Co., Ltd., dan SHONAN LINTEC KAKO Co., Ltd.
2. Nisbahnya adalah 100% daripada jumlah kes pada tahun fiskal 2010.

Pencegahan dan Pendidikan Kemalangan Kualiti

Kumpulan LINTEC percaya adalah wajib untuk mengendalikan QMS secara berkesan untuk mengekalkan dan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan, dan untuk mengelakkan kemalangan sebelum ia berlaku. Untuk mendalami kefahaman tentang ISO9001 di seluruh kumpulan, kami telah merumuskan dan melaksanakan pelan latihan tahunan untuk pendidikan ISO yang dianjurkan oleh ibu pejabat setiap tahun. Namun, pada tahun fiskal 2020, ia tidak dapat

Peringkat saya seterusnya

Kami merancang latihan dalaman untuk semua pekerja pada tahun fiskal 2021 untuk memperolehi pengetahuan statistik untuk kawalan kualiti. Saya akan terus berusaha meningkatkan kualiti dengan fikiran terbuka untuk belajar dan menerima perkara baru.



Kim Nam-Hee
Bahagian Jaminan Kualiti
LINTEC KOREA, INC.

dilaksanakan seperti biasa akibat pandemik COVID-19. Oleh itu, untuk tahun fiskal berikutnya, kami sedang mengkaji bahan pengajaran dan kaedah latihan baru yang mudah difahami oleh orang yang terlibat dalam QMS buat kali pertama. Kami akan meneruskan aktiviti sebegini supaya dapat meningkatkan produk dan perkhidmatan yang boleh dipercayai oleh pelanggan.

Pemerolehan Hijau

Untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar, proses pengurusan bahan mentah, bahagian alatan serta sumber sampingan buat bahan kimia dijalankan dengan rapi. Bukan hanya ketika memperoleh sumber yang baharu sahaja, kami juga menyelidiki bahan kimia yang terkandung dalam produk untuk memastikan ia mematuhi peraturan baru, tidak hanya untuk bahan yang kami perolehi secara terus.

Pada tahun fiskal 2020, melalui kajian kandungan peraturan REACH^{*2} ke 21 dan 22 & kajian kandungan chemSHERPA^{*3} 2.00, kami melakukan aktiviti kajian untuk kira-kira 5,000 jenis bahan mentah.

Kami akan terus bekerjasama dengan pembekal kami untuk mempromosikan aktiviti pemuliharaan alam sekitar dan menguruskan bahan kimia secara menyeluruh.

Tindak balas terhadap mineral konflik^{*4}

Berkenaan mineral konflik iaitu mineral lombong yang menjadi sumber dana kepada kumpulan bersenjata, LINTEC menyedari bahawa ini adalah masalah sosial yang serius. Kami sedang menyelidiki status penggunaan logam yang berasal dari lombong, yang dijadikan dana oleh kumpulan bersenjata, dalam bahan mentah yang digunakan.

Pada masa akan datang, kami akan memastikan rantaian bekalan bukan sumber dana untuk kumpulan bersenjata. Kami akan menguruskan perolehan dengan tidak menggunakan mineral konflik yang merupakan sumber dana untuk kumpulan bersenjata.

Pendedahan Maklumat Produk

Kumpulan LINTEC memperkenalkan maklumat produk kepada pelanggan di laman WEB LINTEC supaya pelanggan menggunakan produk dengan selamat dan tanpa kerisauan. Kami akan memberi jawapan secara berasingan terhadap data teknikal, spesifikasi produk, helaian data keselamatan (SDS), tinjauan kandungan bahan kimia, dll.

Penilaian kesan kesihatan dan keselamatan

Di Kumpulan LINTEC, kami memilih bahan mentah yang mematuhi standard seperti Arahan RoHS^{*5}, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan sebagainya. Kami akan terus memberi perhatian untuk mengelakkan pencemaran semasa proses pembuatan produk. Dalam kegiatan perniagaan pada tahun fiskal 2020, tiada kes yang melebihi nilai standard ini.

^{*1} ISO9001: Piawai antarabangsa untuk sistem pengurusan kualiti (QMS).

^{*2} Peraturan REACH: Singkatan bagi Peraturan Berkenaan Pendaftaran, Penilaian, Kebenaran dan Penghadan Bahan Kimia, yang menjadi peraturan bahan kimia di Kesatuan Eropah. Pendaftaran diperlukan sekiranya mengekspor sebanyak lebih daripada 1t bahan kimia ke negara-negara Kesatuan Eropah dalam tempoh satu tahun. Juga, sekiranya terdapat bahan kimia yang tersenarai dalam bahan yang sangat membimbangkan (SVHC) sebanyak lebih daripada 0.1% dalam kandungan produk, kita perlu melaporkannya.

^{*3} chemSHERPA: Skim perkongsian penyampaian maklumat bahan kimia yang terkandung dalam

produk yang disyorkan oleh Kementerian Ekonomi dan Pembuatan. Sistem yang bertujuan untuk menguruskan bahan kimia yang terkandung dalam produk dari atas hinggalah ke bawah rantaian pembekalan secara berseesuaian, dan memberi tindak balas berterusan terhadap peraturan yang semakin tersebar.

^{*4} Mineral konflik: Logam yang berasal dari mineral konflik yang telah ditentukan oleh Akta Pembaharuan Peraturan Kewangan Amerika Syarikat adalah tantalum, timah, tungsten, dan emas.

^{*5} Arahan RoHS: Arahan berkaitan sekatan penggunaan bahan berbahaya tertentu dalam peralatan elektronik dan elektrik di EU (Kesatuan Eropah).

Pemerolehan CSR

Di LINTEC, berdasarkan semangat CSR, kami menetapkan “Dasar Perolehan Bahan Mentah LINTEC”, “Dasar Perolehan Hijau LINTEC” & “Dasar Perolehan Pulpa Kayu LINTEC”. Kami menjalankan aktiviti perolehan mengikut dasar-dasar ini.

Kami meminta pembekal untuk melaksanakan CSR secara menyeluruh dari pelbagai perspektif, termasuk menghormati hak asasi manusia, kesihatan dan keselamatan pekerjaan, keselamatan maklumat, etika korporat dan sebagainya melalui pelbagai peluang.

Pada tahun fiskal 2020 juga, kami menjalankan soal selidik pembekal. Bagi perkara yang berkaitan CSR, kami memastikan pematuhan undang-undang, larangan buruh kanak-kanak, dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

Di antara lebih kurang 500 syarikat pembekal bahan mentah yang dibeli di Jepun, kami membuat soal selidik kepada 102 syarikat yang dipilih dari sudut pandangan jumlah transaksi dan BCP^{*6}. Kami telah menerima jawapan daripada 96 syarikat pembekal tersebut. Keputusan soal selidik juga digunakan untuk penilaian pembekal.

Kami akan terus komited dalam penambahbaikan aktiviti perolehan dan memperkukuhkan kerjasama dengan pembekal kami.

Perkara kajian soal selidik pembekal (Gambaran keseluruhan)

Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> Status kewangan
Pihak pengurusan & buruh	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan undang-undang dan etika korporat Buruh (menghormati hak asasi manusia, waktu kerja, upah, dan sebagainya) BCP Keselamatan maklumat
Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> Kos Tarikh penghantaran Penyediaan maklumat (maklumat produk, maklumat teknikal, maklumat industri, dan sebagainya)
Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> Pengesahan pihak ketiga (ISO9001 dan sebagainya) Sistem pengurusan (pembekal, bahan mentah, proses pembuatan, produk dan sebagainya)
Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> Pengesahan pihak ketiga (ISO14001 dan sebagainya) Sistem pengurusan bahan kimia

Pengurusan dan pendidikan buruh yang menghormati hak asasi manusia

Di Kumpulan LINTEC, kami percaya bahawa “Pematuhan” adalah teras aktiviti korporat kami. Kami mematuhi sepenuhnya “Undang-undang dan peraturan berkaitan” dan “Peraturan sosial” dalam aktiviti korporat dalam dan luar negara. Berkenaan pengambilan pekerja dan pekerjaan juga sama. Kami melakukan pengurusan buruh dengan mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan buruh seperti menghalang diskriminasi yang tidak adil, buruh kanak-kanak, sebarang gangguan dan sebagainya.


Di LINTEC, kami memasukkan pendidikan hak asasi manusia ke dalam program latihan berdasarkan tahapnya. Sehingga kini, kami telah mengadakan latihan berkaitan “Global Compact PBB dan CSR” dan latihan gangguan seksual & gangguan kuasa.

Langkah-langkah kesihatan mental


Di LINTEC, kami memperkenalkan sistem EAP jenis pencegahan^{*7}. Melalui “Pemeriksaan kesihatan mental” tahunan, setiap orang memahami keadaan tekanan masing-masing dan ia berguna untuk pengurusan diri. Hasil analisis untuk setiap organisasi diberikan kepada pihak pengurusan untuk penambahbaikan. Pada tahun fiskal 2020, perundingan dilakukan untuk 3,729 orang di seluruh kumpulan, dan kadar penyertaan adalah 91.2%.

Selain itu, bagi pekerja Kumpulan LINTEC dan keluarga mereka, mereka boleh berbincang dengan pakar mengenai kerisauan seperti kesihatan, kesihatan mental, penjagaan anak, penjagaan kejururawatan, undang-undang, dan kewangan isi rumah. Kami menyediakan talian sokongan.

Bilangan pekerja LINTEC Corporation mengikut jantina



Bilangan pekerja Kumpulan Lintec mengikut jantina (termasuk tidak digabungkan)



(Luar negara: pada 31 Disember 2020, dalam negara: pada 31 Mac 2021)

*6 BCP: → lihat halaman 16.

*7 EAP jenis pencegahan: Singkatan bagi Employee Assistance Program (Program Sokongan Pekerja). Program pekerja yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dengan mewujudkan tempat kerja di mana pekerja boleh bekerja dengan mudah dengan menekankan juga “Pencegahan” terhadap pekerja yang sihat selain “Menangani” pekerja yang telah membuat aduan.

*8 Nisbah jantina dalam pengurusan. Berkenaan tanda ★, lihat halaman 16.

Laporan CSR global

Demi memenuhi tanggungjawab sebagai syarikat global, kami memacu aktiviti CSR yang berakar di rantau tempatan bagi setiap syarikat kumpulan luar negeri. Pada tahun fiskal 2020, pandemik COVID-19 telah melarang pelbagai aktiviti, termasuk pembatalan pelbagai acara. Kami ambil dan memperkenalkan beberapa aktiviti yang dijalankan walaupun dalam keadaan sebegini.



Aktiviti alam sekitar

LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

- Lokasi: Suzhou, Jiangsu, China
- Jumlah pekerja: 170 pekerja
- Butiran pemiagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran dan kertas & bahan yang diproses



Fang Ying
Jabatan Bahan

Pada bulan Mac 2021, kami menyertai aktiviti penanaman pokok tempatan. Sekitar 500 orang dari lebih daripada 20 syarikat menyertai aktiviti ini, dan 600 pokok pelbagai jenis telah ditanam. Kira-kira 50 orang, termasuk pekerja dan keluarga mereka, mengambil bahagian dari syarikat kami dan telah menanam 20 pokok sakura di sebelah Kuil Zhong Feng di Gunung Tian Ping, Gaoxin.



Penanaman pokok sakura



Aktiviti sosial

LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

- Lokasi: Tainan, Taiwan
- Jumlah pekerja: 89 pekerja
- Butiran pemiagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik



Wen-chieh Cheng
Jabatan Keselamatan
Kejuruteraan

Dari perspektif pematuhan BCP, kami melakukan latihan praktikal atas meja pada 2 kali pada bulan Jun 2020 dan Mac 2021 dengan anggapan bahawa jangkitan COVID-19 berlaku secara dalaman. Penyelesaian masalah yang ditemui semasa latihan praktikal yang pertama, telah disahkan pada latihan praktikal yang kedua. Kami akan meneruskan latihan praktikal untuk meningkatkan daya tindak balas selepas ini.



Latihan praktikal atas meja kali ke2



Aktiviti sosial

LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

- Lokasi: Bandar Pyeongtaek, Daerah Gyeonggi, Korea Selatan
- Jumlah pekerja: 127 pekerja
- Butiran pemiagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik



JI-HUN LIM
Seksyen Hal Ehwal Am
Jabatan Pengurusan
Perancangan

Kami menyediakan mesin jualan kopi murah sebagai sebahagian daripada faedah pekerja. Di samping itu, wang keuntungan ini ditambah dengan wang bantuan dari syarikat digunakan untuk aktiviti CSR. Keuntungan pada tahun fiskal 2020 telah disumbangkan kepada "Doktor Tanpa Sempadan", yang memberikan bantuan perubatan untuk COVID-19.



Surat penghargaan yang dianugerahkan oleh Doktor Tanpa Sempadan



Aktiviti sosial

PT. LINTEC JAKARTA

- Lokasi: Jakarta, Indonesia
- Jumlah pekerja: 14 pekerja
- Butiran pemiagaan utama: Penjualan produk yang berkaitan dengan bahan pencetak dan bahan pengeluaran



Sitha Damayanti
Bahagian Hal Ehwal Am
dan Sumber Manusia

Sejak penyebaran COVID-19, kami telah menerapkan tiga prinsip "memakai pelitup muka, mencuci tangan, dan menjaga jarak" secara menyeluruh untuk mencegah jangkitan kepada pekerja. Kami juga memasang poster untuk langkah pencegahan jangkitan dan membuat group chat untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai jangkitan COVID-19 dari semasa ke semasa.



Group chat (menyebarkan risalah, dll. mengenai vaksinasi COCID-19)



Aktiviti alam sekitar

LINTEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION

- Lokasi: Tianjin, China
- Jumlah pekerja: 97 pekerja
- Butiran pemiagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran



Wang Zheng Wu
Seksyen Percetakan
Bahagian Percetakan

Sebagai salah satu inisiatif kami ke arah matlamat alam sekitar berdasarkan ISO14001 iaitu "Mengurangkan bahan buangan (Barang buangan berbahaya)", kami mula menggunakan kain buruk baru pada tiga mesin cetak dari separuh kedua tahun 2020. Hasil daripada perubahan ini, jumlah bahan buangan berbahaya yang diproses setelah pembersihan dakwat dan jumlah penggunaan kain buruk telah dapat dikurangkan.



Perbandingan kain buruk lama dan baru (kiri: kain buruk lama, kanan: kain buruk baru)



Aktiviti sosial

LINTEC KOREA, INC.

- Lokasi: Bandar Cheongju, Daerah Chungcheongbuk, Korea Selatan
- Jumlah pekerja: 111 pekerja
- Butiran pemiagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik



Shin Ji Eun
Bahagian Pembuatan

Di syarikat kami terdapat pertubuhan sukarelawan yang dipanggil "Persatuan Onmaum". Aktiviti sukarelawan dijalankan setiap tahun, tetapi pada tahun fiskal 2020, kami menjalankan aktiviti derma secara tidak berseduap kerana COVID-19. Wang sumbangan yang kami kumpul dari pekerja, kami sumbangkan kembali ke pusat orang kurang upaya berat dan kemudahan penjagaan kanak-kanak.



Surat penghargaan yang dianugerahkan dari kemudahan penjagaan kanak-kanak



Aktiviti sosial

PT. LINTEC INDONESIA

- Lokasi: Bandar Bogor, Indonesia
- Jumlah pekerja: 127 pekerja
- Butiran pemiagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran



Ernawan Setyanto
Jabatan Pemerolehan

Pada bulan Mei 2020, kami membuat sumbangan kepada 32 anak yatim yang tinggal berhampiran kilang kami. Setiap tahun, kami mengundang anak-anak yatim ke kilang, tetapi pada tahun fiskal 2020, kerana COVID-19 pekerja yang tinggal berdekatan rumah anak yatim akan mengunjungi rumah anak yatim dan menyampaikan sumbangan sebagai pertimbangan untuk mengelakkan 3S (sesak, sempit, sembang dekat).



Sumbangan wang derma kepada rumah anak yatim



Aktiviti sosial

LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.



Ainunisa Binti Su
Hal Ehwal Am dan Sumber Manusia

- Lokasi: Pulau Pinang, Malaysia
- Jumlah pekerja: 102 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik

Pada bulan Ogos 2020, kami menjalankan kursus mengenai "Garis Panduan Tatakelakuan Kumpulan LINTEC" yang telah disemak semula untuk semua pekerja Syarikat ini. Semua peserta lulus ujian selepas kursus yang dijalankan dengan langkah-langkah kawalan COVID-19 menyeluruh seperti memakai pelitup muka dan menjaga jarak antara tempat duduk.



Keadaan ketika kursus



Aktiviti sosial

LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.



James Rigas
Jabatan Teknologi Fasilitas

- Lokasi: Sarawak, Malaysia
- Jumlah pekerja: 24 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik

Kebiasaannya kami fokus kepada aktiviti CSR secara outdoor setiap tahun, tetapi pada tahun fiskal 2020 kami menghentikan aktiviti outdoor kerana COVID-19 dan menjalankan aktiviti CSR mengutip sumbangan. Pada bulan November 2020, kami menyumbangkan 6,000 helai pelitup muka, 44 tin pembasmi kuman, dan tiga termometer (jenis tidak bersentuhan) ke sekolah tempat anak-anak pekerja kami bersekolah.



Barangan sumbangan



Aktiviti alam sekitar

LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.



Chen-Jung Liao
Bahagian Jaminan Kualiti

- Lokasi: Kaohsiung, Taiwan
- Jumlah pekerja: 87 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk elektronik & optik

Pada bulan Julai 2020, pekerja syarikat dan keluarga mereka mengambil bahagian dalam pengalaman "hidup bersama ikan dan sayur" di sebuah ladang di Kaohsiung. Hidup bersama ikan dan sayur adalah pertanian kitar semula yang menggabungkan penternakan ikan dan penanaman sayur. Kami mencuba pengalaman kitar semula jadi dengan menuai sayur dalam rumah hijau, memberi makan ayam dan memungut telur.



Menuai sayur di rumah hijau



Aktiviti sosial

LINTEC (THAILAND) CO., LTD.



Kanokwan Lomchan
Pegawai HR & Admin

- Lokasi: Daerah Chachoengsao, Thailand
- Jumlah pekerja: 189 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran dan kertas & bahan yang diproses

Pada Februari 2021, saya mengunjungi Khao Yai, di negeri Nakhon Si Thammarat, yang merupakan destinasi pelancongan terkenal di Thailand, dalam rombongan syarikat. Dalam perjalanan, kami mengunjungi sebuah kemudahan yang menolong anak-anak yang kurang bernasib baik dan menawarkan diri secara sukarela dengan menyediakan makan tengah hari kepada kanak-kanak tersebut.



Kanak-kanak yang sedang gembira makan masakan pekerja



Aktiviti alam sekitar

LINTEC OF AMERICA, INC. NANO-SCIENCE & TECHNOLOGY CENTER



Luis Plata
Ketua Pasukan Mechanical Engineer

- Lokasi: Texas, Amerika Syarikat
- Jumlah pekerja: 28 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pembangunan & Penyelidikan

Kami sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dengan mempertimbangkan alam sekitar tempatan dan global. Secara terperinci, kami mengurangkan penggunaan tenaga dengan memasang lampu LED dengan pemasa, mempromosikan kitar semula dengan cara mengasingkan bahan-bahan kotak kadbod dan plastik, dan melaksanakan rawatan bahan buangan yang sesuai bekerjasama dengan kerajaan tempatan.



Pengasingan bahan-bahan kotak kadbod dan plastik



Aktiviti sosial

MADICO, INC.



Aya Killgo
Jawatankuasa CSR

- Lokasi: Florida, Amerika Syarikat
- Jumlah pekerja: 196 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran

Kami menyumbangkan bahan makanan untuk Florida Dream Center sempena Cuti Thanks Giving pada akhir November 2020. Kami juga menyumbangkan mainan dan produk kebersihan kepada Lilleman Police Athletes League, yang memberi bantuan kepada keluarga berpendapatan rendah.



Barangan sumbangan



Aktiviti sosial

VDI, LLC.



Toni Doughty
Jawatankuasa CSR

- Lokasi: Kentucky, Amerika Syarikat
- Jumlah pekerja: 39 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetak & bahan pengeluaran

Syarikat kami menyokong aktiviti organisasi bernama Dare to Care, yang memberikan bantuan makanan kepada isi rumah yang kekurangan makanan. Pada tahun fiskal 2020, disebabkan oleh pandemik COVID-19, hanya tiga orang dari syarikat kami yang dapat menyertainya, tetapi kami telah membantu dengan pemeriksaan atau pembungkusan makanan yang disumbangkan oleh kedai runcit tempatan.



Kumpulan CSR yang menyertai aktiviti sokongan



Aktiviti sosial

MACTAC AMERICAS, LLC.



Brittany Eppley
Pengurus Komunikasi Pemasaran Korporat

- Lokasi: Ohio, Amerika Syarikat
- Jumlah pekerja: 441 pekerja
- Butiran perniagaan utama: Pengeluaran dan jualan produk berkaitan bahan pencetakan & bahan pengeluaran

Sebagai sebahagian dari "Program Keluarga Angkat" hospital kanak-kanak, kami menyertai aktiviti pemberian hadiah untuk anak-anak yang menerima rawatan paliatif dan keluarga mereka untuk menikmati Krismas, dan menyumbangkan pakaian, mainan, dan barang-barang harian kepada keluarga di lapan wilayah.



Barangan sumbangan

Aktiviti CSR oleh LINTEC

Perniagaan Kumpulan LINTEC wujud daripada sokongan oleh para pihak berkepentingan. Bagi memenuhi harapan pihak berkepentingan dan terus menjadi syarikat yang dipercayai, semua pekerja mempromosikan secara aktif aktiviti CSR dengan meletakkan Moto Syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti" sebagai asas mengikut nilai penting yang menyokong Moto Syarikat iaitu "LINTEC WAY", "Ciri Asas CSR", dan "Garis Panduan Tatakelakuan".

Di samping itu, kami telah mengkaji semula materialiti kumpulan syarikat ini dengan membina sistem untuk mempromosikan inisiatif ESG^{*1} dan SDGs^{*2} ke arah merealisasikan tema penting visi jangka panjang "LINTEC SUSTAINABILITY VISION 2030" (LSV2030) yang bermula pada April 2021. Di masa depan, kami akan menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI)^{*3} materialiti dan menjalankan aktiviti promosi kemampanan strategik dengan mempraktikkan kitaran PDCA.

Seterusnya, kami mempromosikan kegiatan perniagaan dan aktiviti CSR berdasarkan norma-norma antarabangsa, seperti dengan merujuk kepada ISO26000 (standard panduan berkenaan tanggungjawab sosial) selain menyertai Global Compact PBB.

Global Compact PBB


Kumpulan LINTEC telah menyertai "Global Compact PBB" dari April 2011. Kami akan menjalankan kegiatan perniagaan berdasarkan sepuluh prinsip berikut dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang mampan.

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ● Hak asasi manusia
Prinsip 1: Sokongan dan penghormatan terhadap perlindungan hak asasi manusia
Prinsip 2: Menolak pelanggaran hak asasi manusia ● Standard buruh
Prinsip 3: Perakuan kebebasan berserikat dan hak perundingan kolektif
Prinsip 4: Menolak kerja paksaan
Prinsip 5: Menolak amalan buruh kanak-kanak
Prinsip 6: Menghapuskan diskriminasi pelantikan dan pekerjaan | <ul style="list-style-type: none"> ● Alam sekitar
Prinsip 7: Pendekatan bersifat pencegahan masalah alam sekitar
Prinsip 8: Inisiatif bertanggungjawab terhadap alam sekitar
Prinsip 9: Pembangunan dan penyebaran teknologi mesra alam sekitar ● Pencegahan korupsi
Prinsip 10: Usaha pencegahan korupsi dalam segala bentuk termasuk peras ugut dan memberi & menerima rasuah |
|--|---|

Sistem Promosi Kemampanan

Pada bulan April 2021, kami telah mewujudkan Sistem Promosi Kemampanan baru. Oleh itu "Bahagian Promosi CSR" di bawah bidang kuasa Presiden telah diubah kepada "Bahagian Promosi Kemampanan". Di samping itu, "Jawatankuasa Kemampanan" telah ditubuhkan, dan setiap jawatankuasa disusun semula menjadi jawatankuasa dan jawatankuasa kecil yang mempromosikan ESG dan SDGs.

■ Sistem Promosi Kemampanan



*1 ESG: → lihat halaman 12
*2 SDGs: → lihat halaman 10

*3 Petunjuk Prestasi Utama (KPI): → lihat halaman 12.

Sorotan Kewangan/ Bukan Kewangan

Masyarakat (tunggal)

Peratusan menjawab soal selidik pembekal bagi perolehan CSR **94.1%**



Sumber Manusia (tunggal)

Kadar perolehan cuti berbayar (tunggal) **61.7%**



Bilangan peserta dalam latihan seluruh syarikat**4 (tunggal/ jumlah)* **1,341 orang** (jumlah)


Masa latihan 6,269.5 jam (jumlah)*



Alam Sekitar


Jumlah pelepasan gas CO₂

Lingkungan sasaran: Ibu pejabat LINTEC Corporation, 10 lokasi pengeluaran**7, institut penyelidikan, TOKYO LINTEC KAKO, INC.



Jumlah penggunaan tenaga (setara minyak mentah)


Lingkungan sasaran: Kumpulan LINTEC dalam negara**8



Perhatian) Bahan bakar termasuk kerosin, minyak berat kelas A, LNG, LPG, gas bandaraya dan lain-lain.


Jumlah penggunaan air pengairan

Lingkungan sasaran: kilang Kumagaya, kilang Mishima




Jumlah penjana sisa

Lingkungan sasaran: Ibu pejabat LINTEC Corporation, 10 lokasi pengeluaran, institut penyelidikan, TOKYO LINTEC KAKO, INC.




Kewangan (pautan)


Keuntungan semasa



Keuntungan perniagaan



Jumlah jualan mengikut segmen (tahun fiskal 2020)




*4 Istilah umum latihan setiap peringkat*5 dan latihan mengikut tema*6
 *5 Dari latihan setiap peringkat, latihan pekerja baru akan berubah ke pembelajaran di rumah akibat COVID-19, dan akan dikira dan ditambah sebagai setara dengan waktu latihan biasa.
 *6 Dari latihan mengikut tema, latihan gangguan juga termasuk syarikat kumpulan dalam negara

*7 10 lokasi pengeluaran: Agatsuma, Kumagaya, Ina, Chiba, Tatsuno, Shinguu, Komatsushima, Mishima, Doi, Niihama
 *8 Kumpulan LINTEC dalam negara: lihat halaman 17.
 Berkenaan tanda ★, lihat halaman 16.

Ringkasan Kumpulan LINTEC

Rangkaian global yang menyokong kegiatan


Semua pekerja Kumpulan LINTEC menjalankan pelbagai aktiviti CSR sebagai respons kepada suara para pemegang kepentingan dan untuk merealisasikan syarikat yang lebih baik.



Bahan percetakan dan bahan-bahan perindustrian

Kami menyediakan produk yang telah ditambahkan pelbagai fungsi bergantung kepada aplikasi dan lingkungan penggunaan seperti kertas pelekat/ filem pelekat yang digunakan sebagai label untuk paparan keperluan harian, makanan, peralatan rumah, dan sebagainya. Lagi, pita untuk mengekalkan komponen peranti mudah alih dan sebagainya, produk pelekat untuk kenderaan, pencetak kod bar komersial, mesin pelabelan yang menampilkan label secara automatik, filem tingkap untuk bangunan dan kereta, filem penanda yang digunakan untuk papan tanda luaran, bahan iklan, hiasan badan kereta dan sebagainya, kertas hiasan dalaman yang menyumbang kepada hiasan kedai dan sebagainya.


Trend jualan



Elektronik, optik

Kami menyediakan produk yang menggunakan sepenuhnya penyelidikan dan pembangunan (R&D), dan teknologi kami sendiri seperti pita khas yang digunakan dalam proses pembuatan & pemasangan cip semikonduktor dan peranti yang memanfaatkan ciri-cirinya, dan filem penanggal yang sangat diperlukan untuk pembuatan kapasitor seramik monolitik. Lagi, produk pelekat berkaitan paparan kristal cecair (LCD), produk berkaitan panel sentuh, dan sebagainya. Kami memainkan peranan dalam perkembangan masyarakat IoT*1 melalui pembangunan bahan yang sesuai dengan proses pembuatan peranti elektronik seperti telefon pintar dan sebagainya, dan pita berprestasi tinggi yang sangat penting untuk pembuatan ingatan kilat (flash memory).


Trend jualan



Kertas dan bahan yang diproses

Kami menawarkan pelbagai produk berbagai-bagai warna seperti kertas sampul warna dan kertas warna dengan pelbagai warna, kertas yang berfungsi seperti kertas kalis minyak untuk pembungkusan makanan, kertas bebas debu, dan sebagainya serta kertas cetak bermutu tinggi. Lagi, selain mengeluarkan kertas penanggal dan filem penanggal yang melindungi permukaan pelekat, kami mengeluarkan kertas proses yang digunakan ketika pembuatan produk sintetik kulit, produk serat karbon dan sebagainya. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah membangunkan kertas kraft yang mempunyai daya tahan air dan daya cetak yang tinggi. Ia digunakan sebagai kertas sampul surat, kertas pembungkus, dan kertas percetakan buku. Kami akan terus menambahkan untuk memenuhi keperluan pasaran.

Trend jualan




*1 IoT : Singkatan bagi Internet of Things (Internet Benda). Pelbagai jenis "Benda" seperti bangunan, perkakas elektrik, kenderaan, peralatan perubatan dan sebagainya disambungkan ke Internet dan bertukar maklumat antara satu sama lain.

Amerika Utara
8 syarikat 996 orang

- Anak syarikat pengeluaran
- Anak syarikat & pejabat jualan
- Syarikat pengurusan rantau
- Kilang-kilang, cawangan, pusat penyelidikan dan pembangunan dan pemilikan lain anak syarikat

Perhatian) Bilangan orang yang dicatatkan di atas termasuk anak syarikat tanpa penggabungan.

Keuntungan jualan mengikut rantau



Empat Teknologi Asas

Kumpulan LINTEC sedang membangunkan produk yang lebih berbeza dan unik dengan menjadikan empat teknologi iaitu “teknologi aplikasi pelekat”, “teknologi pengubahsuaian permukaan”, teknologi pensisteman”, “teknologi kertas khas & bahan penanggal” sebagai asas. Seterusnya, menggabungkan semua ini ke dalam dimensi yang tinggi.

Teknologi aplikasi pelekat

Melalui pembangunan pelekat dan pelbagai bahan asas serta teknologi kompositnya, kami akan memperluaskan bidang aplikasi fungsi asas produk pelekat iaitu “Menampal” & “Menanggal”.

Teknologi modifikasi permukaan

Dengan menggunakan rawatan kimia dan fizikal ke permukaan kertas dan filem, prestasinya ditingkatkan atau fungsi baru ditambah.


Teknologi Pensisteman

Bermula dengan pensisteman mesin dan peralatan, kami mencadangkan penyelesaian canggih dengan membina sistem canggih yang memanfaatkan ciri-ciri bahan.

Teknologi pembuatan kertas khas/ bahan penanggal

Kami akan menggunakan sepenuhnya teknologi pembuatan kertas dan salutan asli, teknologi impregnasi dan tampalan, dan sebagainya. Kami akan membangunkan kertas berfungsi khas dan bahan bernilai tinggi yang melampaui konsep kertas konvensional.

Media utama untuk mendedahkan maklumat CSR



Laporan CSR (Edisi risalah/ PDF)



Risalah menyiarkan aktiviti CSR Kumpulan LINTEC dalam format yang mudah difahami. Edisi PDF adalah dalam versi Bahasa Inggeris. Selain itu, edisi petikan adalah dalam versi Bahasa Korea, Bahasa Cina (Cina tradisional), Bahasa Cina (Cina ringkas), Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia & Bahasa Thai.

Laman web CSR (Edisi laman web)



Menyiarkan aktiviti CSR Kumpulan LINTEC secara lebih luas dan terperinci. September 2021 versi Bahasa Jepun akan dikemas kini.

(Kemas kini lepas: Oktober 2020)

Disember 2021 versi Bahasa Inggeris akan dikemas kini.

(Kemas kini lepas: Januari 2021)

[Versi Bahasa Jepun] www.lintec.co.jp/csr

[Versi Bahasa Inggeris] www.lintec-global.com/csr

Penilaian Luaran Utama



CDP: Perubahan iklim
CDP: Keselamatan air
CDP: Hutan

MSCI: Indeks Pemilihan ESG Jepun
MSCI: Indeks Pemerkasaan Wanita Saham Jepun

Pendapat Pihak Ketiga

Perubahan antarabangsa mengenai pendedahan maklumat bukan kewangan oleh syarikat, seperti kewajiban TCFD dan piawai peraturan pendedahan, sangat drastik, dan kesukaran untuk bertindak balas semakin meningkat. Dalam LINTEC CSR REPORT 2021, visi jangka panjang & materialiti, dll., kami mengambil inisiatif baru untuk bertindak balas terhadap perubahan alam sekitar.

Daripada maklumat yang ditambahkan kali ini, ia telah merangkumi bahagian utama yang kini menjadi tumpuan pendedahan maklumat bukan kewangan. Khususnya, memberi tumpuan kepada visi jangka panjang telah memperkuat rasa keseragaman di seluruh laporan dan ia adalah progres yang besar. Visi yang menjadi 3 tiang seri (1) Penyelesaian masalah masyarakat, (2) Memperkukuh struktur korporat melalui inovasi, (3) Penciptaan produk dan perniagaan baru ke arah pertumbuhan mampan, mencadangkan kemampunan satu model perniagaan jangka panjang secara berkesan dengan menunjukkan strategi pertumbuhan sambil menyediakan nilai sosial menerusi penyelesaian masalah dan elemen-elemen yang menyokong kemampuan penciptaan inovasi ataupun produk dan perniagaan baru secara bersepadu.

Mesej teratas adalah menyampaikan senario penciptaan nilai dengan cara yang mudah difahami dengan memperkenalkan visi jangka panjang ini secara terperinci, termasuk perbincangan mengenai proses penggubalan. Di samping itu, pentingnya mengubah kesedaran dan tingkah laku setiap pekerja ditekankan, dan dapat fahami bahawa walaupun di bawah kerangka kerja baru, pengurusan tetap memegang kepada pekerja adalah sebagai pihak berkepentingan. Secara khusus, aktiviti Jawatankuasa SDGs untuk mengusulkan idea perniagaan baru boleh dikatakan adalah mekanisme bagi pekerja untuk menganggap kemampuan sebagai milik mereka sendiri dan mempromosikan pengurusan SDGs secara keseluruhan dan aktiviti merealisasikan pemikiran Presiden iaitu "Pembuatan produk selepas ini mesti dipikul oleh semua pekerja bukan hanya diamanahkan kepada jabatan-jabatan khusus" adalah sangat mengagumkan.

Kami berusaha untuk bertindak balas terhadap trend terkini dalam pendedahan maklumat bukan kewangan sambil menggunakan ciri-ciri kami dengan sebaik-baiknya setakat ini, dan kandungannya juga dinilai tinggi, tetapi saya mengharapkan beberapa perkara lain untuk evolusi seterusnya.

Yang pertama adalah menghubungkan sesama bahagian yang telah ditambahkan kali ini dengan lebih sistematik. Sebagai contoh, ia adalah salah satu kaedah untuk menghubungkan visi jangka panjang dan materialiti yang telah ditambah baik dengan lebih organik menggunakan KPI. Terdapat pelbagai konsep materialiti, seperti

Encik Keisuke Takegahara

Felo Eksekutif
Institusi Penyelidikan Pembentukan Modal
Bank Pembangunan Jepun



tidak sedikit syarikat yang bimbang memilih materialiti untuk pelabur institusi yang memberi tumpuan hanya kepada faktor-faktor yang mempengaruhi model perniagaan atau arah yang mempertimbangkan pelbagai pihak berkepentingan. Materialiti baru yang bersama-sama dengan LSV2030 telah meningkatkan tahap pengabstrakan dan memberikan tahap kebebasan tertentu terhadap penetapan KPI yang akan dijalankan di masa depan. Terdapat kelebihan halatujua materialiti baru yang mementingkan dinamika untuk mengatasi pelbagai perubahan masa depan secara fleksibel. Untuk memanfaatkan perkara ini, semasa mempertimbangkan KPI yang sesuai untuk materialiti ini, saya ingin anda supaya sangat menyedari hubung kaitnya dengan "penyelesaian masalah masyarakat" yang ditetapkan oleh visi jangka panjang. Jika kita memahami dan mengukur nilai (impak) yang dihasilkan dengan menyelesaikan masalah masyarakat melalui perniagaan dan komited sebagai KPI, kita akan menghubungkan visi, materialiti, dan senario penciptaan nilai secara lebih organik.

Seterusnya ialah perluasan pendedahan maklumat mengenai "manusia". Penetapan strategi sumber manusia untuk mencapai visi jangka panjang dan KPI untuk modal insan adalah diharapkan. Ini mungkin akan menjadi senjata yang berkesan untuk terus menyebarkan ciri dan kekuatan syarikat anda di dalam dan di luar syarikat di dalam persaingan sengit pendedahan maklumat mengenai perkara sosial di masa hadapan.

Saya merasakan bahawa tahun fiskal 2021, yang diposisikan sebagai Stage 1 untuk menyebarkan idea visi jangka panjang di dalam syarikat, adalah masa yang tepat untuk memulakan perbincangan seperti itu dengan bersungguh-sungguh. Kami berharap halatujua yang baru dapat diperjelaskan secara berperingkat dengan memanfaatkan sistem tadbir urus yang telah diperkuatkan seperti "Jawatankuasa Kemampunan" yang baru ditubuhkan, sambil menggunakan kekuatan syarikat anda dalam mengadakan perbincangan yang melibatkan pelbagai pekerja.

Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Terima kasih atas penilaian tinggi anda terhadap visi jangka panjang dan materialiti yang telah disemak syarikat kami.

Untuk mencapai visi jangka panjang, adalah penting bagi setiap pekerja berusaha untuk mengubah tingkah laku dan kesedaran mereka sebagai hal ehwal sendiri. Untuk itu, mula-mula, kami akan menyebarkan idea visi jangka panjang di dalam syarikat, dan mewujudkan persekitaran untuk perbincangan aktif melangkaui kerangka kerja organisasi konvensional, seperti Jawatankuasa SDGs, di mana pelbagai ahli dikumpulkan.

Di samping itu saya memikirkan bahawa kami boleh mencapai visi jangka panjang, dengan menetapkan KPI untuk materialiti, yang secara organik akan menghubungkan visi jangka panjang, materialiti dan strategi sumber manusia, dan memasukkannya ke dalam penyelesaian masalah

sosial melalui perniagaan kami. Seterusnya, kita akan menyesuaikan diri dengan pelbagai permintaan pendedahan maklumat melalui pelaksanaan langkah-langkah berkesan oleh setiap jawatankuasa dan jawatankuasa kecil mampan yang baru ditubuhkan.

Selepas ini, kita akan terus berusaha untuk menjadi kumpulan korporat yang dapat menyumbang kepada mewujudkan masyarakat yang mampan, berdasarkan Moto Syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti".

Makoto Hattori

Pengarah Urusan
LINTEC Corporation